

5  
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[KUALA KANGSAR – BN]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO.9**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah tinjauan oleh Global Shapers Survey, inisiatif oleh 'World Economic Forum' mengenai isu-isu pilihan orang muda peringkat antarabangsa, sama dengan isu-isu pilihan orang muda Malaysia.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop kajian yang dilaksanakan di dalam *Global Shapers Survey* adalah tidak sama dengan skop kajian mengenai isu-isu pilihan orang muda yang dilaksanakan di Malaysia.
2. Jika dilihat secara umum, isu yang menjadi perhatian belia dunia di dalam *Global Shapers Survey* adalah berkaitan **isu alam sekitar** dan **kesaksamaan (*equality*)**. Isu yang menjadi perhatian belia Malaysia pula lebih tertumpu kepada **isu pekerjaan** dan **perumahan**. Walau bagaimanapun, perbandingan ini tidak wajar dibuat secara langsung kerana skop dan objektif kajian khususnya *Global Shapers Survey* adalah berbeza dan terhad.
3. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan kajian yang menggambarkan tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia melalui pelaporan Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15). Kajian ini menggunakan kaedah yang berbeza untuk mendapat pandangan orang muda berbanding dengan *Global Shapers Survey*.

## SULIT

4. IBM'15 melaporkan dapatan kajian berdasarkan kepada 12 domain iaitu **Domain Pembangunan Kendiri, Domain Hubungan Sosial, Domain Identiti, Domain Potensi Diri, Domain Kesihatan, Domain Pendidikan, Domain Kesejahteraan Ekonomi, Domain Waktu Senggang, Domain Sosialisasi Politik, Domain Keselamatan, Domain Ketembusan Media dan Domain Bebas Tingkah Laku Devian.**
5. Manakala *Global Shapers Survey* yang dijalankan oleh World Economic Forum pula pada asasnya mengumpulkan pandangan belia global di bawah 5 tema iaitu **Ekonomi dan Pandangan Global, Tadbir Urus dan Pendampingan Awam, Teknologi dan Inovasi, Nilai dan Masyarakat serta Perniagaan dan Tempat Kerja.**
6. Di bawah pelaksanaan Program TN50, Kerajaan turut mengumpulkan pandangan dan aspirasi pillihan orang muda untuk dijadikan panduan bagi merangka hala tuju negara menjelang tahun 2050.

Sekian, terima kasih.